

# MCA garis 4 langkah untuk faedah wanita

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

**KUALA LUMPUR, Ahad** — Empat langkah utama telah disusun untuk kepentingan wanita bagi memastikan kemenangan calon MCA dalam pilihanraya kecil Parlimen kawasan Sembelan pada 19 November.

Ketua Wanita MCA, Datin Paduka Rosemary Chong, berkata walaupun Tahun Wanita Antarabangsa dilancarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu lapan tahun lalu, pembangunan untuk kaum wanita tempatan masih lembap.

Puan Rosie Teh dari MCA akan bertanding melawan Dr Chen Man Hin dari DAP dalam pilihanraya kecil itu.

Langkah-langkah itu ialah:

- Menggesa kerajaan meminda Ordinan Pembahagi Harta-Benda yang dikatakan tidak adil.

- Undang-undang perkahwinan berasingan bagi wanita bukan Melayu yang dipinda baru-baru ini harus diteliti lagi kerana masih ada beberapa kekurangan.

- Hasil cukai dalam negeri yang berasingan bagi isteri yang bekerja.

- Hak penjagaan anak sepenuhnya kepada isteri bila suami tiada di rumah.

Dalam sidang akhbar-nya semalam, Datin Paduka Rosemary Chong mendakwa Ordinan Pembahagi Harta-Benda hanya memberikan isteri hak satu pertiga dari harta suami bila suami meninggal dunia, manakala bakinya diberi kepada warisnya atau anak-anak.

"Hak yang sama tidak diberikan kepada isteri bila dia meninggal dunia kerana semua hartanya yang ada padanya akan berpindah menjadi milik suami.

"Masalah pembahagian harta biasanya timbul bila isteri meninggalkan harta kepada suami yang tidak bertanggungjawab dan berkahwin lain," katanya.

Datin Paduka Rosemary Chong berkata, hanya suara seorang wanita di Parlimen yang akan membantu perjuangan wanita untuk mendapatkan hak mereka.

Wanita MCA juga merancang mengadakan kempen ceramah dalam Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris, Mandarin dan Tamil setiap hari di kawasan pilihanraya.